

Headline	Renjer taman tingkat kualiti landskap ibu negara		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	20 Sep 2022	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	25	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	219 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,643
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,928



Renjer taman tingkat kualiti landskap ibu negara

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjenama semula jawatan pegawai pertanian dan penolong pegawai pertanian kepada renjer taman dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan pengurusan landskap, pokok teduhan serta taman awam sekitar ibu negara.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata, selain mewujudkan pakaian seragam khas, skop tugas unit di bawah Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi itu turut diperluas.

“Unit ini juga perlu menyelenggara pokok dan landskap, kawal keselamatan, memberi penerangan berkenaan jenis tanaman kepada pelawat serta mengenal pasti kesihatan pokok,” katanya dalam sidang akhbar di sini pada Isnin.

Jelas beliau, skop penyelenggaraan

pokok teduhan dikembangkan dengan pemeriksaan dan rawatan pokok berisiko serta inventori pokok berusia di sekitar ibu kota.

Mahadi berkata, tugas renjer taman juga dipelbagaikan dengan pembiakan spesies pokok unik dan terancam untuk tujuan konservasi selain tanaman semusim bagi landskap di bandar raya termasuk di kawasan tumpuan pelancongan.

Sebelum itu, Mahadi menyerahkan watakah pelantikan renjer taman itu dan turut melancarkan buku *Wayside Trees the Natural Pillars and Roofs of the Perdana Botanical Garden*.

Buku diterbitkan dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) itu menyenaraikan 343 spesies pokok yang terdapat di sekitar kawasan Taman Botani Perdana. - *Bernama*



Renjer taman bertanggungjawab untuk memastikan pembiakan spesies pokok unik di landskap bandar raya Kuala Lumpur dan kawasan tumpuan pelancongan.